

# Raja Perlis tegur kakitangan kerajaan jadi 'bachelor', jejas tumpuan pembangunan

UW/8-S-U6/16/2/A/185 - Sosial

**ARAU 7 Mei** — Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menegur sebilangan pegawai kanan kerajaan dari luar Perlis yang menjadi 'bachelor' ketika berkhidmat, sehingga sedikit-sebanyak menjelaskan tumpuan kepada usaha pembangunan negeri.

Baginda bertitah, mereka sewajarnya berkorban dengan membawa anak isteri tinggal di sini, seterusnya memberi 100 peratus komitmen untuk penambahbaikan dan kemajuan Perlis.

"Kalau pengarah terpaksa pulang pada setiap hujung minggu untuk bertemu keluarga, bagaimana dia hendak memberi tumpuan kepada pembangunan di Perlis?

"Sepatutnya dia meluangkan masa meninjau parit atau jalan (pembangunan) di Padang Besar dan sebagainya pada hujung minggu dan bukannya hanya di sini (Perlis) pada hari bekerja sahaja.

"Apabila tanya mana pengarah, pengarah balik KL (Kuala Lumpur), Pulau Pinanglah atau Alor Setar (Kedah)," titah baginda dalam majlis Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan Ahli-Ahli



**Kadang-kadang beta rasa sedih kerana pembangunan negeri lambat sangat. Perlu diingat nasib rakyat ini perlu dijaga agar tidak memberontak."**

**TUANKU SYED SIRAJUDDIN PUTRA JAMALULLAIL**

**Raja Perlis**

Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) di Istana Arau, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man.

Kesemua lapan Exco kerajaan negeri hadir untuk mengangkat sumbah dan dijangka dikekalkan dengan portfolio masing-masing.

Tuanku Syed Sirajuddin seterusnya melahirkan rasa dukacita ba-

ginda terhadap pembangunan negeri yang disifatkan agak lambat.

Titah baginda, seharusnya barisan Exco dan kerajaan negeri menggandakan usaha dengan 'menghambat' pihak bertanggungjawab untuk mempercepatkan pembangunan negeri demi kebaikan penduduk.

"Kadang-kadang beta rasa sedih kerana pembangunan negeri lambat sangat. Perlu diingat nasib rakyat ini perlu dijaga agar tidak memberontak," titah baginda.

Baginda bertitah, pembangunan penting supaya mampu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat, meningkatkan hasil pendapatan negeri yang seterusnya boleh digunakan untuk tujuan pembangunan lain.

Dalam pada itu, Azlan berkata, pihaknya dan barisan Exco dilantik akan memberi tumpuan terhadap titah Tuanku Syed Sirajuddin yang inginkan mereka menggandakan usaha meningkatkan pembangunan.

"Tuanku juga bertitah agar kita bersama-sama membuang sikap suka bertangguh dan melambatkan kerja agar pembangunan negeri dapat dilakukan segera," katanya.